

SUARAA



PERSATUAN
PENOLONG
PEGAWAI
FARMASI
MALAYSIA

PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

PP 9499/07/2013(033003)

NO PENDAFTARAN : 1717

2017



Persidangan PPF Siri II 2016



Seminar PPF JDT



PPF Musim Sejuk di China



Futsal PPF Dwi Tahunan



ReUnion PPF 'Sweet 17'

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG : Tuan Haji Abdul Manan Bin Kechik
SETIAUSAHA : En. Asrul Effendi Bin Jamaludin
EDITOR : Tuan Hj. Sulaiman Harun
SIDANG PENGARANG : Puan Hajah Siti Hanisah Binti Md Said
Puan Nordiana Binti Tajudin
En. Suhaimi Esa
Puan Nik Azrini Binti Muhamed

SENARAI AHLI MAJLIS DAN JURUAUDIT KEHORMAT PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA SESSI 2015-2017

PENASIHAT : **YBhg. Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak**
(Universiti Antarabangsa Al-Bukary, Alor Setar, Kedah)

YANG DIPERTUA : **Puan Samidah Rahmat**
(Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu, Johor.)

NAIB YANG DIPERTUA : **Tuan Hj Abdul Manan bin Kechik**
(Kolej KIST, Bachok, Kelantan)

SETIAUSAHA KEHORMAT : **Tuan Hi Mohd Razan Pardi**
(Klinik Kesihatan Yong Peng, Batu Pahat . Johor)

PEN. SETIAUSAHA KEHORMAT : **En. Asrul Effendi Jamaludin**
(Pusat Perubatan UKM, Cheras, Kuala Lumpur)

BENDAHARI KEHORMAT : **Tuan Hj. Sulaiman Harun**
(Pesara PPF)

AHLI-AHLI : **-En. Suhaimi Esa**
(Hospital USM, Kubang Kerian, kelantan)

-En.Mohd Hasan Zaini Shafei
(Hospital Tunku Fauziah, Kangar, Perlis)

- Puan Siti Hanisah Md.Said
(KPJ Johor Specialist)

- Puan Nordiana Tajudin
(Hospital Taiping , Perak)

- Rosnah Muhammad
(Hospital Melaka, Melaka)

JURUAUDIT KEHORMAT : **- Ahmad Shukri Puteh**
(Institut Perubatan & Pergigian Termaju USM ,
P.Pinang)

- Puan Muniza Murad
(Hospital Tunku Fauziah, Kangar, Perlis)

IBU PEJABAT PERSATUAN

IBUPEJABAT PERSATUAN

Setiausaha Kehormat,
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia,
D/A : No 6 Jalan Berlian 3, Taman Berlian,
83700 Yong Peng, Johor.

DITERBITKAN OLEH:

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
No. Pendaftaran : 1717

DICETAK OLEH :

CETAK BERJAYA
13 Jalan 6, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

M/ SURAT

1. Dari Meja Ketua Sidang Pengarang	1
2. Kata Aluan YDP Persatuan PPFM	2
3. Ahli Majlis Persatuan PPFM (2015-2017)	3
4. Wakil Negeri Persatuan PPFM (2015-2017)	4

LAPORAN AKTIVITI

5. Persidangan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Kali Ke-9 Seri Ke II 2016	5-11
6. Seminar Penolong Pegawai Farmasi Johor 2017	12-14
7. Kejohanan Futsal Piala YDP 2017	15-17
8. Umrah Bersama Persatuan PPF Malaysia	18-19
9. Percutian Musim Sejuk Persatuan PPF Malaysia	20-22

ARTIKEL & RENCANA

9. Eye 2 Eye – Glaucoma	23-28
10. Seloka Gurindam Jiwa PPF	29-30
11. Majlis ReUnion Dinner Batch Sweet 17”	31-34
12. Borang Keahlian Persatuan PPFM	35

DIKEHENDAKI

KEPADA :

SEMUA PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

Pihak PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA, Menjemput anda untuk menyumbangkan sebarang bentuk karya seperti :

- **artikel / rencana**
- **Berita bergambar / kursus**
- **Selingan / sajak**
- **Lawatan sambil bekerja diluar negara**

Setiap sumbangan yang **diterbitkan /disiarkan** didalam majalah, akan menerima **IMBUHAN SAGUHATI**.

Alamatkan karya anda kepada:

**KETUA SIDANG PENGARANG
SUARA PENOLONG PEGAWAI FARMASI
Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST),
Kampus Utama Ibnu Sina,
Lot 1798-1800 Mukim Telong
16300 Bachok,
Kelantan.**

**Email : manan938@gmail.com &
asrul@ppukm.ukm.edu.my**

DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum kepada semua rakan-rakan Penolong Pegawai Farmasi dimana saja anda berada, samada yang masih berkhidmat atau yang telah meninggalkan profesion yang kita sayangi ini. Kepada yang masih bertugas berilah perkhidmatan yang terbaik demi Allah dan Negara kita tercinta.

Masih belum terlewat lagi untuk kami mengucapkan SELAMAT HARI RAYA EIDULFITRI Maaf Zahir dan Batin kepada semua ahli yang beragama Islam semoga ibadat puasa kita pada tahun ini sempurna dan mendapat keredhaan dan ganjaran Allah Yang Maha Kuasa.

Syukur kehadiran Illahi kerana memberi kekuatan kepada kami Sidang Pengarang untuk terus menerbitkan SUARA PENOLONG PEGAWAI FARMASI walaupun sibuk dengan tugas harian masing-masing. Namun begitu kami mengharapkan sumbangan artikel dari anda semua untuk penerbitan yang akan datang. InsyaAllah dengan komitmen yang diberikan oleh semua Sidang Pengarang dan sumbangan artikel dari anda SUARA PENOLONG FARMASI akan terus diterbitkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Adalah menjadi harapan kami agar persatuan kita ini akan bertambah lebih mantap lagi dan dapat bergerak secara aktif dengan penglibatan semua ahli bagi meneruskan agenda persatuan memartabatkan profesion kita ini.

Pada bulan September 2017 ini Mesyuarat Agong Dwitahunan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia akan diadakan dimana pemilihan Ahli Majlis untuk sesi 2017-2019 akan dibuat. Kepada anda semua buatlah pemilihan yang terbaik agar persatuan kita ini akan terus berjaya,efisien dan berintegriti dimasa hadapan.

Sekian, Wassalam.

Haji Ab.Manan Kechik
Ketua Sidang Pengarang.
7 Julai 2017.

KATA-KATA ALUAN



**SAMDIAH BINTI RAMLAT
Yang Dipertua
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015-2017**



Assalamualaikum Wr Wb , Salam Sejahtera, Salam Muafakat 1 Malaysia

Dengan nama Tuhan yang maha pengasih lagi maha penyayang, saya mengucapkan rasa sangat bersyukur kerana dengan izin Nya, Majalah “SUARA” terbentang di depan mata. “SUARA” adalah dedikasi anda yang komited menjayakan pengisiannya dengan aktiviti berterusan sepanjang tahun.

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia terus mara dengan tabah walau banyak halangan, kritikan dengan menjadikannya cabaran untuk terus maju selangkah seiring dengan persatuan-persatuan paramedik yang lain.

Meningkatkan dan memperluaskan ilmu pengetahuan sejajar dengan kehendak perkhidmatan masa kini, Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia sentiasa mendahulukan dengan aktiviti akademik iaitu Persidangan / Kursus untuk ahli Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia selain meneruskan aktiviti sukan untuk kesihatan, Lawatan sambil belajar dan hubungan silaturrahim.

Selangkah kehadiran, Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia adalah ahli Gabungan Persatuan Profesion Sains kesihatan Bersekutu Malaysia. Kini sudah 2 tahun, kami bergerak bersama-sama Konfederasi 25 Persatuan Sains Kesihatan Bersekutu Malaysia (MYCAHP). Usul cadangan yang dihantar oleh Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia telah diterima dan dipaparkan semasa perjumpaan Persatuan-Persatuan dengan KSU pada tahun ini. Semoga Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia terus berusaha maju dan dikenali di seluruh Malaysia.

Saya benar-benar berharap semua Penolong Pegawai Farmasi akan sentiasa bersedia menerima transformasi dan cabaran kemajuan teknologi perubatan dalam mempertingkatkan lagi imej Perkhidmatan Farmasi di Malaysia dan memperkukuhkan jati diri sebagai ahli Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia.

“SEPAKAT MENCAPAI HASRAT”



**AHLI MAJLIS DAN JURU ODIT KEHORMAT
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015 – 2017**

Penasihat : **Ybhg. Professor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak**
Universiti Antarabangsa Al Bukhary, Alor Setar ,Kedah

Yang Dipertua : **Puan Samidah Rahmat**
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor.

Naib Yang Dipertua : **Haji Abdul Manan b Kechik**
Kolej Islam Sains & Teknologi, Bachok, Kelantan

Setiausaha Kehormat : **Haji Mohamad Razan b Pardi**
Klinik Kesihatan Yong Peng,83700 Batu Pahat,Johor.

Penolong Setiausaha Kehormat : **En. Asrul Effendi b Jamaludin**
Pusat Perubatan UKM, Cheras, Kuala Lumpur.

Bendahari Kehormat : **Haji Sulaiman b Harun**
Pesara U36 PPF

Ahli-Ahli : **En. Mhd Hassan Zaini b Shafie**
Hospital Tuanku Fauziah,Perlis

Pn.Siti Hanisah bt Md.Said
Hospital Pakar KPJ Johor Bahru, Johor.

Pn Nordiana bt Tajudin
Hospital Taiping, Perak

En.Suhaimi b Esa
Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan

Pn Hjh Rosnah bt Muhammad
Hospital Melaka,Melaka.

Juru Odit Kehormat : **En. Ahmad Shukri b Puteh**
Institut Perubatan dan Pergigian Temaju USM, Bertam,
Pulau Pinang.

Pn Muniza b Murad
Hospital Tuanku Fauziah,Kangar,Perlis



**WAKIL- WAKIL NEGERI
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015 – 2017**

Perlis	:	Pn Muniza bt Murad (1769) (Hospital TuankuFauziah,Kangar)
Kedah	:	En.Mahadzir b Saad (1381) (Hospital Sultanah Bahiyah,Alor Setar,Kedah)
Pulau Pinang	:	En.Anuar b Mohamad Limun (2061) (Hospital Seberang Jaya,Pulau Pinang)
Perak	:	Tn Hj Zainal b Zolkefri (1620) (Klinik Kesihatan Simee,Ipoh)
Selangor	:	Puan Rosnah bt Ahmad (0550) (Hospital Sungai Buluh)
Kuala Lumpur	:	Pn.Zaila bt Mohamad Zahibi (1360) (Hospital Kuala Lumpur)
Putrajaya	:	Pn.Hanisah bt Md.Duraibi (2065) (Hospital Putrajaya)
Melaka	:	Cik Noor Shafizah bt Jaamat (2292) (Bhg. PerkhidmatanFarmasi, JKN Melaka)
Negeri Sembilan	:	En.Rusmizi b Razali (1574) (Klinik Kesihatan Simpang Durian,Negeri Sembilan)
Johor	:	Puan Samidah bt Rahmat (1176) (Hospital Sultanah Aminah,Johor Bahru,Johor)
Pahang	:	Pn.Hjh.NorAkhna bt Musa (1125) (Hospital Muadzam Shah)
Trengganu	:	Pn Maisom bt Hamat (0225) (Hosp.Sultanah NurZahirah K.Trengganu,Trengganu)
Kelantan	:	En.Ridzuan b Seman (0124) (Klinik Kesihatan Kota Bharu,Kelantan)
Sarawak	:	En.Mohd Wajdi b Mokhtar (0658) (Hosp.Umum Sarawak,Sarawak)
Sabah	:	Tn.Haji Yahya b Ahmad (0709) (Klinik Kesihatan Membakut,Sabah)

**LAPORAN PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
KALI KE 9 SIRI II 2016
ANJURAN PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI**

**Tempat : Hotel Rosa Pasadena Cemeron Highlands Pahang
Tarikh : 18 – 20 November 2016**



PENDAHULUAN:

Persidangan kali ini ialah yang kali ke-9 Siri II. Persidangan kali ke-9 telah diadakan di tempat yang sama pada 15 – 17 April 2016. Pada persidangan ini pihak urusetia hanya mensasarkan penyertaan dari Hospital Swasta sahaja iaitu seramai 100 orang, walau bagaimanapun pihak penganjur telah menerima penyertaan dari Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

TEMA:

Ke Arah Kecemerlangan Profesion Penolong Pegawai Farmasi.

OBJEKTIF:

- Mendedahkan setiap peserta kepada amalan kepentingan kerja berpasukan, mengutamakan kehendak pelanggan dan memahami prinsip-prinsip pelaksanaan berlandaskan integriti, tugas mengikut prosedur dan tatacara jabatan demi memperkasakan Jabatan Farmasi.
- Mewujudkan budaya kerja yang tidak tersisih dari arus perkembangan farmasi masa kini kepada Penolong Pegawai Farmasi.
- Menyediakan Penolong Pegawai Farmasi yang berpengetahuan tinggi sealiran dengan perkembangan farmasi masa kini.

JAWATANKUASA PENGANJUR :

PENASIHAT	Puan Samidah Rahmat Yang DiPertua PPPFM / Penolong Pegawai Farmasi U40 HTAA Johor Bahru
PENGERUSI	Tuan Hj.Abdul Manan Kechik Naib Yang DiPertua PPPFM Kolej Islam Sains & Teknologi, Bachok
SETIAUSAHA	En.Suhaimi Esa Ahli Majlis PPPFM / Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital USM, Kubang Kerian
BENDAHARI	Tuan Hj.Sulaiman Harun Bendahari Kehormat PPPFM / Pesara Penolong Pegawai Farmasi U36, Kelantan.
AJK- PENDAFTARAN	Cik Masliza Mat Daud Penolong Pegawai Farmasi U32 KUP Hospital USM, Kubang Kerian
AJK- PROTOKOL & SAMBUTAN	Puan Fauziah Ishak Penolong Pegawai Farmasi U36 Hospital USM, Kubang Kerian
AJK- TEKNIKAL	En.Norlizam Norman Penolong Pegawai Farmasi U29 Hospital USM, Kubang Kerian

PENYERTAAN:

Penyertaan pada kali inidari 100 penyertaan peserta yang disasarkan hanya 42 orang yang hadir. 34 orang dari Hospital bukan KKM dan 8 orang dari Hospital KKM.

Penyertaan dari hospital KKM adalah seperti berikut:

NEGERI	PENYERTAAN
Kelantan	2 orang
Terengganu	2 orang
Kuala Lumpur	4 orang
JUMLAH	8 orang

Penyertaan dari Hospital bukan KKM dan Swasta adalah seperti berikut:

NAMA HOSPITAL	PENYERTAAN
Hospital Pakar PRKMUIP, Kuantan	2 orang
Metro Specialist Hospital	2 orang
Loh Guan Lye Specialist Centre	2 orang
DEMC Specialist Hospital, Shah Alam	2 orang
Hospital Pakar An-Nur Hasanah, Bangi	2 orang
Pantai Medical Centre, Jln Bukit Pantai	2 orang
Tung Shin Hospital, Jalan Pudu	2 orang
Hospital Pusrawi, Jln Tun Razak	2 orang
Regency Specialist Hospital, Johor Bahru	3 orang
Columbia Asia Hospital Setapak	1 orang
Columbia Asia Hospital Iskandar Puteri	1 orang
Columbia Asia Hospital Seremban	1 orang
Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC)	2 orang
KPJ Seremban Specialist Hospital	2 orang
Mawar Medical Centre, Seremban	2 orang
Hospital Angkatan Tentera	4 orang
Sri Kota Specialist Medical	2 orang
JUMLAH	34 orang

Pada sesi suaikenal (Ice breaking) ianya dimulakan dengan pengenalan diri oleh Ahli Jawatan Kuasa Penganjur diikuti dengan pengenalan diri oleh semua peserta. Selepas itu disusuli dengan pemilihan Penghulu dan Penghuluwati persidangan sebagaimana berikut:

- **PENGHULU** : Andrew A/K Rosely
PPF Hospital Angkatan Tentera Lumut, Perak.
- **PENGHULUWATI** : Siti Azmila Binti Jamal
PPF Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, KL

Selepas pemilihan penghulu dan penghuluwati, peserta dibahagikan kepada 6 kumpulan bertujuan setiap kumpulan diberikan tugas untuk membuat rumusan pada topik yang disampaikan oleh penceramah sebagaimana berikut:

ATURCARA PERSIDANGAN

TARIKH/ MASA	PENCERAMAH	TAJUK CERAMAH
19.11.2016 9.15am – 10.30am	En.Ong Guan Boon PPK, Bhg.Penguatkuasa Farmasi,JKN Perak.	Penguatkuasaan Farmasi: Peranan & Tanggung jawab Hospital swasta/Bukan KKM
11.15am-12.45pm	Tuan Hj.Zainal Lajat Pengurus Besar Pharmaserv Alliance Sdn.Bhd	Pengurusan Inventori & Stor Berkualiti
2.00pm-3.30pm	En.Affendi Rajni Khan KPP (Sumber Manusia) HSB, Alor Setar Kedah.	Berfikiran Kreatif & Tingkatkan prestasi kerja
3.30pm-5.00pm	Dr.Tham Seong Whai Pakar O&G HRPB,Ipoh Perak.	Intertelity: What A Couple Should Know
20.11.2016 8.15am-9.45am	Puan Samidah Rahmat Yang DiPertua PPPFM / Penolong Pegawai Farmasi U40 HTAA Johor Bahru	Pengurusan Masa
9.45am-10.45am	Prof.Hj.Saad Othman Pusat Pengajian Sains Farmasi USM,Pulau Pinang	Traditional & Complimentary Medicine

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPERA PERASMIAN DAN MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN:

1. Majlis makan malam sempena perasmian persidangan telah diadakan pada jam 7.45pm - 10.00pm (19.11.2016)
2. Perasmian persidangan telah disempurnakan oleh Puan Samidah Rahmat Yang DiPertua Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia.
3. Majlis makan malam dan perasmian dimeriahkan dengan cabutan bertuah,hadiah misteri dan nyanyian dari peserta persidangan
4. Majlis penutup persidangan dan penyampaian sijil kepada peserta dan urusetia disempurnakan oleh Prof .Madya Hj. Saad Othman Ahli Kehormat PPPFM, pada jam 12.15pm-1.15pm (20.11.2016).

RUMUSAN PESERTA TERHADAP CERAMAH YG DIBENTANGKAN

TOPIK : PENGUATKUASAAN FARMASI: PERANAN & TANGGUNGJAWAP HOSPITAL SWASTA/BUKAN KKM

Penceramah: En.Ong Guan Boon

Penolong Pengarah Kanan, Bhg.Penguatkuasaan Farmasi, JKN Perak

Rumusan: Rumusan yang boleh didapati dari tajuk penguatkuasa farmasi, peranan dan tanggungjawab hospital swasta atau bukan KKM, adalah seperti berikut:

Peranan Biro Penguatkuasa:

- Pantau
- Risikan
- Serbu
- Kawalan
- Perlesenan
- Perundangan
- Pencegahan

Kepentingan Biro kepada pengguna:

Memastikan kualiti ubat dan bahan yang digunakan adalah selamat.

Kilang mengamalkan Good Manufacturing Practice (GMP).

Kesedaran kepada pengguna:

Memastikan produk berdaftar dengan KKM.

Memastikan tag hologram tulin.

Memastikan ubat-ubatan yang dibeli adalah dari sumber yang berdaftar.

Kesimpulan:

Sebagai Penolong Pegawai Farmasi kita haruslah memberi kesedaran kepada pengguna dengan memastikan ubatan yang diguna adalah selamat dan berdaftar dengan KKM.

Selain itu, sebagai Penolong Pegawai Farmasi kita mestilah melaksanakan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Biro bagi memastikan keselamatan penggunaa ubat-ubatan adalah terjamin.

TOPIK : PENGURUSAN INVENTORI DAN STOR BERKUALITI

Penceramah: Tuan Hj.Zainal Lajat

Pengurus Besar Pharmaserv Alliance Sdn.Bhd.

Rumusan: Inventory ialah kuantiti barang, antara kategori :Purchasing, Receiving, Issuing & Stocking

Dengan pengurusan dan kawalan stok yang berkualiti dapat:

- Mengurangkan pembaziran kepada company seperti pengurangan stok tamat tempoh (Expired date), dan stok berlebihan setiap bulan.
- Kawalan stok juga terkawal.
- Tidak menyusahkan pesakit mencari ubat diluar.
- Kualiti ubat-ubatan yang dibekalkan dapat dikekalkan.
- Menambahkan keuntungan kepada company.

Kesimpulan:

Order stock need to match between demand and inventory

Avoid overloading stock because holding cost will increase. Hence, decrease in net profit

Monitor stock level, ensure continuity of stock supply.

TOPIK : BERFIKIRAN KREATIF DAN TINGKATKAN PRESTASI KERJA

Penceramah: En.Affendi Rajni Khan,
Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia)
HSB, Alor Setar, Kedah

Rumusan:

- Self awareness - kesedaran tentang kebolehan dan kelemahan diri sendiri dan bagaimana hendak memperbetulkan.
- Sikap fokus terhadap sesuatu isu - mengambil berat terhadap apa-apa sahaja kerja yang kita buat, menitikberatkan setiap isu dan kejadian yang berlaku.
- Sikap ingin tahu – selalu mengemaskini ilmu, keinginan mengetahui luar dari kotak fikiran, general knowledge dan isu-isu semasa perubatan.
- Tidak menilai orang lain – menilai diri sendiri sebelum menilai orang lain.
- Tidak hidup untuk orang lain – hidup demi kita sendiri, selesa dengan diri sendiri, buat apa yang disukai.
- Selalu reward diri sendiri jika Berjaya melakukan apa-apa sahaja. Memotivasikan diri sendiri, dan selalu berfikiran positive.

Kesimpulan:

- Mempraktikkan setiap hari segala nilai murni dan mengajak rakan sekerja untuk mengamalkannya.
- Berfikiran positive dan sentiasa menyediakan ruang kerja yang selesa dan harmoni dalam kalangan pekerja.
- Sentiasa meningkatkan pengetahuan dalam apa jua bidang untuk mewujudkan pekerja yang berkebolehan melakukan banyak kerja dalam satu masa.
- Sentiasa bersedia untuk menerima apa sahaja cabaran yang dihadapi dalam alam pekerjaan dan bersedia untuk member segala komitmen untuk menyelesaikannya.

TOPIK :INTERTELITY: WHAT A COUPLE SHOULD KNOW

Penceramah: Dr.Tham Seong Whai
Pakar O&G Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Rumusan:

The conclusion from the talk infertility what a couple should know, is every couple need to seek help from specialist after a year of tcc under a few circumstances. Every couple need to know their reproductif system and what is the cause of infertility. For female a few cause like Pcos, bloked of fallopian tube can cause infertility. For man there's a few cause also like count of sperma, the viscosity of semen and erectile dysfunction. But, after seeing the specialist, they can be help by knowing what is their problem and how to overcome the problem. The procedure's like IUI and IVF is a few of solution toward infertility.

Kesimpulan:

From the talk been given by Dr Tham, pharmacy assistant can actually explained to patient what is infertility. How the should seek for help from the specialist. What is the medicine that will help them in infertility. How to prepared their body to conceired. To explained to them that a few procedures need to be done for infertility to know their problem. Finally to explained to them that specialist and hospital will provide the best treatment and help them in every way that we can.

**LAPORAN BERGAMBAR
PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI KALI KE-9
SRI 99 2016**



LAPORAN SEMINAR PENOLONG PEGAWAI FARMASI JOHOR 2017

Tarikh : 1 April 2017 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Dewan Ixora, Hospital Permai, Johor Bahru.

MATLAMAT

- Memupuk semangat kekitaan sesama ppf samada di dalam KKM Johor mahupun Non KKM
- Meningkatkan daya kepimpinan dan menyerlahkan keterampilan diri Penolong Pegawai Farmasi
- Memperjelaskan hala tuju dan perkembangan Profesion Penolong Pegawai Farmasi

OBJEKTIF

- Meningkatkan keprofesionalisma dan pengetahuan kepimpinan kanan dan semua anggota Penolong Pegawai Farmasi KKM dan Bukan KKM Negeri Johor
- Untuk memastikan para Penolong Pegawai Farmasi terlibat mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai gaya kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi dan mempraktikkannya.
- Memperjelaskan Halatuju dan Perkembangan Propesio PPF samada di dalam KKM mahupun Non KKM ada sama demi kecemerlangan dan masadepan profesion.

TEMA

- KEARAH KECEMERLANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI JOHOR

SASARAN PESERTA

- Program mensasarkan penglibatan 70 – 80 Orang peserta PPF KKM dan Non KKM seluruh Negeri Johor dan Melaka.
- Kehadiran 88 % peserta telah mencapai sasaran seperti yang dijangkakan dengan pecahan :

PPF KKM : 45 orang PPF (9 Urusetia)

PPF Non KKM : 16 orang PPF (1 Urusetia)

Perasmi : Pn Hjh Rosidah bt Md Din

Pnceramah : 5 orang (jemputan)

BAYARAN PENDAFTARAN

AHLI PPPFM : RM 50.00

BUKAN AHLI : RM 70.00

URUSETIA : DIKECUALIKAN

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	: Pn Samidah bt Rahmat
Setiausaha	: Hj Mohamad Razan b Pardi
Bendahari	: Hj Sulaiman b Harun
Pendaftaran & Protokol	: Pn Jauriah bt Muda Pn Hjh Siti Hanisah bt Md Said
Persiapan tempat	: Hj Basabah b Ibrahim En Hisham b Dol
PA Sistem & teknikal	: En Mohd Yusof b Ngadirin En Abu Bakar b Abdullah
Jamuan & Pengacara	: Pn Hjh Intan Norlinora bt Selamat

TENTATIF PROGRAM

MASA	AKTIVITI / TOPIK	PENCERAMAH / FASILITATOR
8.00 am - 8.30 am	Pendaftaran/Minum Pagi	Urusetia
8.30 am - 9.00 am	Taklimat. Lagu : 1) Sihat Sejahtera 2) Kami sedia membantu Bacaan Doa	Urusetia/Peserta Tn Hj Basabah b Ibrahim
9.00 am - 9.15 am	Ucapan Alu-aluan	Pn Samidah bt Rahmat (Pengerusi Penganjur)
9.15 am - 9.30 am	Perasmian Kursus	Pn Hjh Rosidah bt Md Din (TPKNF)
9.30am - 10.30am	Ceramah 1 : Perkhidmatan Farmasi Non KKM VS KKM	En Safwan b Abd Halim (KPJ)
10.30 am - 11.30pm	Ceramah 2: Penjagaan Kesihatan dan Persediaan Masa depan	(Muqmeen Group)
11.30 pm -12.30 pm	Ceramah 3: Sasaran dan Pencapaian dalam Pengurusan Farmasi	Pn Samidah bt Rahmat
1.00 pm - 2.00 pm	Makan tengahari/Solat	
2.00 pm - 3.00 pm	Ceramah 4: Halatuju dan Perkembangan Profession	Tn Hj Mohamad Razan b Pardi
3.00 pm - 4.00 pm	Dialog PPF : Perkhidmatan Farmasi : Apa sumbangan Anda ?	EXCO PPPFM/KESATUAN
4.00 pm - 5.00 pm	Rumusan & Penyampaian Sijil dan Bersurai	

MATLAMAT PENCAPAIAN SEMINAR

- 1.Membantu Peserta/PPF mencapai markah MyCpd (40 mata) dan kehadiran kursus 7 hari setahun.
- 2.Memberi maklumat terkini dan meningkatkan pengetahuan semasa.

PENILAIAN SEMINAR

1. Secara keseluruhannya peserta seminar berpuas hati terhadap perjalanan kursus yang dianjurkan dan kebanyakannya memberikan penilaian 8 – 10 markan.
2. Para peserta ada mencadangkan pemilihan penceramah yang lebih baik dari segi teknik penyampaian agar tidak membosankan.
3. Peserta juga mahukan penganjur menyelitkan tajuk-tajuk klinikal yang dapat memberi dan menambah pengetahuan bersesuaian dengan bidang farmasutikal seiring dengan tugas harian.

RUMUSAN SEMINAR

1. Seminar ini merupakan platform pertama PPPFM Johor dalam penganjuran Seminar yang dikendalikan sepenuhnya oleh PPF. Kami rasa berbesar hati kerana dapat mengumpulkan peserta-peserta di kalangan PPF dari KKM dan Non KKM di dalam satu program.
2. Semangat kekitaan yang terjalin di dalam seminar ini mencerminkan ikatan yang kukuh di antara sesama PPF demi memartabatkan Profesion Penolong Pegawai Farmasi/Pembantu Farmasi yang kita sayangi.
3. Sebarang kekurangan yang dilihat akan menjadi iktibar dan motivasi kami barisan urusetia untuk melaksanakan program-program yang lebih Berjaya di masa akan datang.
4. Akhir kata kami mengucapkan kepada semua barisan urusetia yang bertungkus lumus menjayakan Seminar PPF Johor 2017, kepada semua peserta yang sudi meluangkan masa rehat mereka untuk menghadirkan diri,para penceramah yang dapat memberikan komitmen kepada seminar ini dan juga kepada perasmii Pn Hjh Rosidah bt Md Din yang sudi merasmikan Seminar PPF Johor 2017 sebagai buah tangan beliau sebelum bersara.

“SEPAKAT MEMBAWA BERKAT”

DISEDIAKAN OLEH :

Hj Mohamad Razan b Pardi
Setiausaha Penganjur
Seminar PPF Johor 2017

LAPORAN BERGAMBAR SEMINAR PENOLONG PEGAWAI FARMASI 2017 JOHOR DARUL TAKZIM



LAPORAN KEJOHANAN FUTSAL PIALA WDP PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA KALI KE-3 2017

PENDAHULUAN

Kejohanan kali ini ialah kali ke-3 selepas kejohanan yang pertama pada 6 Julai 2013 di Ipoh dan kedua pada 28 Mac 2015 di Bangi, Selangor. Kejohanan kali ini diadakan pada 8 April 2017 di Cheng, Melaka. Kejohanan ini telah diadakan seperti yang terdapat pada butiran di bawah :

Tarikh : 8 April 2017 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi – 2.00 petang

Tempat : Gelanggang Futsal SP Futsal Centre Cheng , Melaka.

OBJEKTIF

Kejohanan ini telah mencapai objektifnya iaitu untuk memberi peluang berkenalan dan merapatkan silaturrahim antara Penolong Pegawai Farmasi Malaysia (PPF) dengan cara bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat serta dapat membina proses sosialisasi, keyakinan diri dan memberi motivasi kepada PPF Malaysia dalam penganjuran acara sebegini.

JAWATANKUASA PENGANJUR

PENASIHAT	Puan Samidah Rahmat Yang Dipertua PPPFM
PENGERUSI	En. Asrul Effendi Jamaludin
SETIAUSAHA	Pn. Rosnah Muhammad
BENDAHARI	Tn.Hj. Sulaiman Harun
AJK SAMBUTAN	Tn.Hj. Mohd Razan Pardi En. Shahrul Azhan Sulaiman
AJK PENDAFTARAN	Cik Noor Shafizah Jaamat En. Azwan Azmi
AJK MAKANAN	Pn. Nor Asra Che Husin
AJK HADIAH	Pn. Aidah Jaafar En. Mohd Izzul Faliq Mazlan
AJK TEKNIKAL	En. Arief Akmal Fauzi En. Mohd Hafiz Mustafa

PENYERTAAN

Kejohanan kali ini telah berjaya mengumpulkan 12 pasukan yang bertanding . Setiap penyertaan dikenakan bayaran sebanyak RM 160.00 / pasukan.

Hanya pasukan lelaki yang bertanding pada kejohanan kali ini kerana 1 pasukan wanita sahaja yang menghantar penyertaan. Bayaran penyertaan telah pun dikembalikan.

Pasukan yang bertanding dan senarai pemenang:

BIL.	NAMA KUMPULAN	KETUA KUMPULAN	KEPUTUSAN
1.	STM Coco	Muzakkir Azhar	JOHAN
2.	Legend FC	Nik Syamsul Kamil Nik Badiuzzaman	NAIB JOHAN
3.	Perak FC	Redzuan Ramli	KETIGA
4.	Mekar Mewangi FC	Ahmad Zhafir Arifin	KEEMPAT
5.	Pishang FC	M.Hafizuddin M.Zaki	
6.	Lipatan FC	Sharul Nizam A.Rahman	
7.	HSEL	M.Zulfadzli Sapuan	
8.	Rx FC	M.Rulhazimi Rosli	
9.	Xanax FC	Rosmizi Razali	
10.	HUKM FC	Ahmad Muliadi A.Rahman	
11.	KUP FC		
12.	Gegau FC	HJ. Abd Aziz Md Nor	

PENUTUP

Pihak penganjur amat bersyukur kerana program yang dirancang telah dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektifnya. Pihak penganjur ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua PPPFM terutamanya dan kepada semua yang telah sama-sama memberi sokongan dalam menjayakan kejohanan ini. Pihak penganjur juga memohon kemaafan jika ada sebarang kekurangan dalam menganjurkan kejohanan kali ini. Semoga semua PPF Malaysia akan sentiasa memberi sokongan dalam setiap program yang dianjurkan oleh PPFM sendiri terutamanya.

DISEDIAKAN OLEH:

JK PENGANJUR

KEJOHANAN FUTSAL PIALA YDP 2017

LAPORAN BERGAMBAR KEJOHANAN FUTSAL PIALA UDP 2017 PERSATUAN PENOLONG PEJAWAT FARMASI MALAYSIA



LAPORAN UMRAH BERSAMA PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

- Cadangan menganjurkan Umrah bersama Persatuan PPF Malaysia telah diputuskan dalam mesyuarat Ahli Majlis pada 7 Januari 2017.
- Seramai 5 orang ahli Persatuan PPF Malaysia dan keluarga telah bersama program Umrah ini yang bermula dari 16 Mei 17 sehingga 27 Mei 17.
 - Puan Samidah dan suami,
 - Puan Hjh Khamsiah Brahim dan anak,
 - Hj. Abdul Manan Kechik,
 - Jemaah PPPFM di gabungkan dgn jemaah lain dari Malaysia seramai 25 orang yang menggunakan khidmat agensi pelancongan yang sama.
 - Gabungan kumpulan Jemaah ini diketuai oleh Mutawwif Ustaz Yusrizal Mohd Yusoff dari Kuala Lumpur.
- Setiap peserta dikenakan bayaran sebanyak RM 5,600.00, meliputi bayaran penginapan, tambang kapal terbang, makan minum, pengangkutan di Mekah dan Medinah dan bayaran ketempat ziarah (jika ada).

ATURCARA :

Hari 01 – 02 : KUL/JEDDAH/MEKKAH:

Ihram di KLIA & Niat Umrah di Qarnul Manazel.

Berlepas dari KLIA dgn Saudi Air – Pukul 3.00 pm (waktu Malaysia)

Tiba Jeddah – 6.00 pm (waktu Arab Saudi)

Selepas pemeriksaan kastam dan imigresen berlepas ke Makkah dgn bas.

